



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Tel : 603-8872 3010
Laman Web : www.jdn.gov.my
Emel : fazidah@jdn.gov.my

Ruj. kami : JDN.100-9/2/1(1)
Tarikh : 30 Mei 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/
Tuan,

**PANDUAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER,
CDO) SEKTOR AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk
Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Tuan kepada perkara
di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk
Wira/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, Kerajaan menunjukkan komitmen
yang tinggi terhadap pelaksanaan transformasi digital, dengan CDO
memainkan peranan strategik dalam memastikan kejayaannya di seluruh
sektor awam.

3. Sehubungan itu, Panduan Ketua Pegawai Digital (Chief Digital
Officer, CDO) disediakan bertujuan sebagai rujukan kepada CDO sektor
awam bagi memperkasakan tugas masing-masing dalam menjayakan
agenda pendigitalan negara. Panduan ini diedarkan kepada kementerian
dan perlu dipanjangkan kepada jabatan/agensi kerajaan termasuk Badan
Berkanun Persekutuan di bawah kawalan kementerian masing-masing.
Manakala bagi peringkat negeri, panduan ini diedarkan untuk rujukan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sahaja.

4. Bersama-sama ini disertakan Panduan Ketua Pegawai Digital (Chief
Digital Officer, CDO) yang boleh juga dicapai melalui laman web repositori
dasar Jabatan Digital Negara di pautan <https://dasar.jdn.gov.my>.


Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Tuan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR)